

PEMBANGUNAN TERAS MODAL INSAN DALAM ADAT BUDAYA MELAYU

THE DEVELOPMENT OF THE HUMAN CAPITAL CORE IN THE MALAY CULTURAL TRADITION

Azhar Hj. Wahid

Institut Peradaban Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

azhar@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penulisan ini memperhalkan tentang pembangunan modal insan yang menjadi teras kearah melahirkan insan berkualiti dalam adat budaya Melayu selari dengan ajaran Islam yang sangat menitikberatkan aspek kualiti dalam kehidupan bermasyarakat. Agenda modal insan ini merupakan suatu usaha menyediakan pendokong atau pelaksana yang berkualiti dalam melaksanakan segala program pembangunan yang dirancang dan seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat. Dalam agenda pembangunan masyarakat yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, terdapat tiga ajaran iaitu akidah, syariah dan akhlak. Gabung-jalin daripada tiga elemen ini akan membentuk satu gagasan yang tersusun bagi pembentukan budaya Melayu yang kuat, mantap, berguna dan terbaik. Orang-orang Melayu amat menekankan kepada budi bahasa dan tatasusila. Perlakuan yang berlandaskan kepada keperluan ini dapat memenuhi nilai-nilai yang dikehendaki secara tradisi yang jelas selari dengan nilai-nilai modal insan dalam adat dan budaya Melayu yang berteraskan agama Islam.

Kata Kunci: Adat, Budaya, Berkualiti, Pembangunan, Tradisi

ABSTRACT

This paper describes the development of human capital that is the core to produce quality human beings in Malay culture in line with the teachings of Islam that emphasize quality aspect in community life. This human capital agenda is an effort to provide quality supporters or executives in implementing all planned development programs and subsequently utilized by the community. In the agenda of community development based on the Quran and Sunnah, there are three teachings namely faith, syariah and morals. The combination of these three elements will form an organized idea for the formation of a strong, steady, useful and best Malay culture. The Malays strongly emphasize the courtesy and tolerance. The treatment that is based on these needs is able to meet the inherently desired values in line with the values of human capital in Malay-based customs and cultures of Islam.

Keywords: Custom, culture, quality, development, tradition

PENGENALAN

Setiap bangsa di dunia memiliki budaya. Budaya adalah yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah bangsa. Budaya adalah penentu kecapaian dalam pelbagai bidang. Bagi masyarakat Melayu, budaya Melayu yang bersendikan “adat” dan berpaksikan “tauhid” itu telah banyak mengubah ‘manusia Melayu’ daripada ‘paganisme’ kepada Melayu yang berakarkan paradigma tauhid. Namun, sejak kebelakangan ini, nilai-nilai *indigenous* tersebut semakin menipis. Sebab itulah, masyarakat Melayu semakin lama semakin tidak mengenali budaya dan sistem nilai bangsanya. Malah ia tidak dijadikan

sebagai asas serta pedoman bagi menghadapi arus pembangunan yang begitu pesat (Hassan Ahmad, 2006).

Pelbagai slogan, moto, kata-kata hikmat dan macam-macam istilah telah dicipta oleh para sarjana, pemikir dan ahli politik Melayu untuk memperkasa jiwa dan jati diri masyarakat Melayu, antaranya yang masih kita ingat sejak kata-kata keramat Hang Tuah “Takkan Melayu Hilang Di Dunia”, “Hidup Melayu”, “Melayu Baru”, “Melayu Mudah Lupa”, “Melayu Glokal” dan “Minda Kelas Pertama” yang berteraskan modal insan, namun pada hari ini umumnya masyarakat Melayu masih tidak banyak berubah, malah nilai dan budaya masyarakat Melayu semakin terhakis. Natijahnya, masyarakat Melayu suatu masa nanti akan kehilangan identiti dan jati dirinya dari segi agama, pakaian Melayu, makanan Melayu, bahasa Melayu, budi bahasa dan seumpamanya. Justeru itu, amat penting masyarakat Melayu dekad ini memperteguh dan memperkukuhkan sistem nilai dan adat budaya Melayu yang telah didasari dengan “modal insan”.

Modal insan terdiri daripada dua perkataan yang digabungkan untuk membawa satu makna yang sangat dinamik dan mula mendapat perhatian terutama dalam alam pendidikan di Malaysia untuk menghasilkan modal insan berminda kelas pertama. Pengertiannya dalam pendidikan meliputi manusia yang memiliki keseluruhan ilmu yang lahiriah dan ilmu yang dipelajari. Modal insan yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada individu yang dapat memperkasakan dirinya baik dari segi ilmu pengetahuan mahupun berdaya saing dari segi teknikal dan profesional. Justeru itu, modal insan akan dijadikan pemacu, penggerak dan penjana ekonomi, pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam menuju wawasan 2020. Faktor kemanusiaan, termasuk kerohanian dan kemasyarakatan merupakan dua elemen penting dalam pembangunan modal insan.

Hakikat pembangunan modal insan ialah memberi tumpuan ke arah melahirkan insan yang berkualiti selari dengan ajaran Islam yang sangat menitikberatkan aspek kualiti. Agenda modal insan ini merupakan suatu usaha menyediakan pendokong atau pelaksana yang berkualiti dalam melaksanakan segala program pembangunan yang dirancang seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat. Kerajaan telah membuat komitmen bahawa pembangunan modal insan akan dilaksanakan secara holistik yang merangkumi sikap, nilai, etika, positif dan progresif. Strategi yang diambil kerajaan untuk mencapai kemajuan dimulakan dengan usaha pembangunan sumber manusia selari dengan tuntutan ajaran Islam.

TERAS MODAL INSAN DALAM ISLAM

Modal insan ialah unsur-unsur kemanusiaan dan keduniaan yang terdapat dalam diri seseorang insan yang boleh dibangunkan sehingga menjadikan seseorang individu itu seorang yang berguna. Islam memandang pembentukan individu sebegini adalah merupakan asas utama. Dalam Islam, umat Islam dianggap umat yang terbaik (*khayr ummah*) dan mereka mesti menonjolkan sifat ini kepada umum. Untuk membuktikannya, tumpuan utama pembangunan umat Islam adalah penjaan akal, sahsiah dan iman mereka. Dalam hal ini, akal adalah elemen utama kerana ia dapat membezakan seorang manusia itu sama ada menjadi seorang insan atau haiwan (*haywan al-natiq*). Dalam al-Quran ada merekodkan bahawa manusia akan menjadi haiwan atau lebih hina lagi apabila tidak menggunakan akal. Firman Allah SWT (Surah al-A'raf (7):Ayat 179) bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahanam kebanyakan daripada jin dan manusia, mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Berasaskan nas ini, seseorang manusia boleh menjadi insan yang berkualiti apabila akal mereka dapat memandu diri, peribadi dan masyarakat sekeliling. Justeru itu, pemahaman ke atas tujuan utama manusia dijadikan di muka bumi dan kewajipan keimanan kepada Allah SWT dapat

membawa manusia ke matlamat yang tepat. Dalam agenda pembangunan masyarakat Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, terdapat tiga ajaran Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Gabung-jalin daripada tiga elemen ini akan membentuk satu gagasan yang tersusun bagi pembentukan umat Islam yang kuat, mantap, berguna dan terbaik. Mereka bukan hanya memiliki jiwa dan kefahaman kehidupan ini (*duniawi dan ukhrawi*) secara tepat, malah dizahirkan melalui amalan dan perkataan. Pemahaman ini menjadikan seorang Muslim itu mengetahui ke mana arah tuju kehidupan mereka dan menjadikan mereka golongan yang sentiasa ingin berjaya (Ahmad Zaki Ibrahim, 2005: 3).

Dalam kata lain, pembangunan dapat dicapai dengan membangunkan manusia sebagai *human capital* (Abdul Malek Al.Sayed, 1995). Ini sesuai dengan pandangan Ibn Khaldun yang menjadikan manusia sebagai fokus pembangunan atau pusat dunia. Oleh yang demikian konsep ini menjadikan modal kepada seseorang insan atau ringkasnya “modal insan” itu ialah menjadi insan yang berilmu, beriman dan beramal. Ketiga-tiga ciri itu mestilah berada serentak kerana kekurangan salah satu daripadanya mengakibatkan sifat modal insan itu tidak berjaya. Misalnya, insan yang berilmu tetapi tidak beriman akan membawa kehancuran dan kezaliman kepada bangsanya, begitu juga jika tidak beramal akan menyebabkan hidup sia-sia.

Seseorang yang berilmu akan lagi mulia dan dihormati apabila dibekali dengan iman yang kuat. Ini kerana ilmu yang dimiliki dapat dikawal oleh iman sebagai “*control agent*”. Ini kerana manusia terdiri daripada komponen akal dan nafsu yang beriringan di antara satu sama lain. Kekuatan bekalan iman akan dapat memastikan akal seseorang individu dapat memandu nafsu ke arah jalan yang diredha Allah SWT. Firman Allah SWT bermaksud:

“.....Allah meninggikan (darjat) orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan.”

Kesempurnaan iman ini sangat penting bagi seseorang individu bagi membentuk jati diri keinsanannya di sisi Allah SWT. Justeru itu, sifat berilmu, beriman dan beramal menjadi ikatan penting dalam menjana generasi yang berguna.

Ciri-ciri Modal Insan:

Secara umumnya ciri-ciri modal insan yang dinyatakan oleh al-Quran juga adalah ciri-ciri insan rabbani dan ciri-ciri generasi al-Quran, antaranya:

- Generasi yang terbina kualiti asas – intelektual, rohani dan jasmani.
- Generasi yang berjiwa besar dengan cita-cita menggunung.
- Generasi al-Quran yang unik – generasi yang membaca, memahami, menghafal, menghayati dan mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah.
- Generasi yang mempunyai kepakaran dan mampu menawarkan Islam sebagai pilihan.
- Generasi yang celik sejarah.
- Generasi dengan *competitive Frame-Work of Mind* (pemikiran generasi yang mampu bersaing secara sihat) bagi menghadapi dekad dan abad yang lebih memerlukan daya saing, daya tahan dan ketangkasan berfikir.
- Generasi yang faham mengisi kebangkitan ummah dalam segenap bidang
- Generasi yang memahami *Adabul Ikhtilaf* (adab berbeza pandangan) dalam menghadapi kepelbagaian pandangan.
- Generasi yang *fastabiq al-khairat* (berlumba-lumba untuk mengerjakan kebaikan).
- Generasi yang membina imej *independent force* bagi menampakkan ketulenan idealisme.
- Generasi yang berkemampuan menangani isu-isu semasa dalam dan luar negeri

Antara lain ciri modal insan turut dinyatakan sebagai individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat dengan sebahagian daripada masyarakat Melayu yang berilmu,

berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi perkerti, bersopan santun, berkeluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, progresif, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Sehubungan itu, dapat dinyatakan bahawa ciri-ciri modal insan inilah yang terkandung dalam adat dan budaya masyarakat Melayu.

HUKUM ADAT MELAYU DAN MODAL INSAN

Adat Melayu meliputi berbagai-bagai lapangan yang telah wujud dan menjadi amalan sekian lama di kalangan orang-orang Melayu. Adat merupakan suatu kepentingan kepada berbagai-bagai kelompok sosial masyarakat Melayu. Pada dasarnya dapat mempunyai tujuan yang sama, iaitu menciptakan satu masyarakat yang teratur dan memenuhi syarat keamanan dan keadilan buat setiap anggotanya (Abdullah Sidek, 1975:3). Adat boleh dilihat sebagai peraturan sosial yang menentukan keharmonian dan kestabilan sosial bagi sesuatu masyarakat.

Islam memainkan peranan penting dalam menentukan nilai-nilai sosial di kalangan orang-orang Melayu. Peraturan yang ditentukan Islam itu amat besar pengaruhnya kepada pembinaan adat di kalangan orang-orang Melayu. Islam telah membahagikan penentuan peraturan berasaskan kepada perlakuan-perlakuan yang haram, wajib, makruh, sunat dan jaiz. Peraturan yang ditentukan Islam itu merupakan hukum dan kedudukan hukum itu tetap dan tidak berubah mengikut kehendak dan kemahuan ramai sebagaimana undang-undang dan adat. Kekuatan hukum Islam itu bergantung kepada masyarakat yang mendukungnya, iaitu sejauh mana amalan sosial itu dapat berasaskan kepada ketetapan.

Peraturan sosial atau adat dibina masyarakat berlandaskan kepada pengalaman dan keperluan bagi menentukan peraturan sosial yang diguna pakai oleh anggota-anggota masyarakatnya untuk menyesuaikan hidup mereka dengan suasana dan keperluan yang lebih luas. Misalnya, adat perpatih yang berasaskan kepada adat Minangkabau menentukan kepada empat dasar utama iaitu adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang beradat dan adat istiadat.

Adat yang sebenar adat itu merupakan hukum alam, iaitu hubungan sebab dan akibat yang tetap atau tidak berubah, seperti adat api panas. Anggota-anggota masyarakat meneliti dan mempelajari dari kejadian alam keliling mereka. Daripada kepekaan mereka terhadap kejadian alam keliling dapat membantu mereka menjadi teladan dalam kehidupan harian mereka. Pembinaan asas demikian berlaku dalam banyak masyarakat. Misalnya, *ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk*. Ketetapan hukum alam yang dijadikan Allah amat penting dijadikan panduan hidup masyarakat. Islam mendorong umatnya meneliti kejadian alam sekitar dan memahaminya agar menjadi panduan dalam hidup. Sebab dan akibat kejadian Allah yang menentukan perjalanan alam ini merupakan suatu ketetapan yang tidak boleh diubah manusia. Oleh itu peraturan itu amat penting bagi anggota masyarakat memahami dan mengambil kejadian alam itu sebagai panduan hidup.

Peraturan sosial yang diliputi adat itu sebenarnya amat luas termasuk perkara-perkara yang sekecil-kecil sehingga perkara yang sebesar-besarnya. Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat mematuhi adat yang telah ditetapkan oleh masyarakat dari zaman ke zaman. Kekuatan kelompok atau masyarakat itu bergantung kepada kerjasama dan sokongan ahli masyarakatnya. *Berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing. Bulat air dek pembuluh, bulat kata dek muafakat*. Berasaskan kepada kepentingan bersama dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan stabil. Jika individu lebih mementingkan diri sendiri maka ini sudah pasti akan melahirkan berbagai-bagai masalah sosial dan kacau bilau (Wan Abdul Kadir, 1994: 113).

Sesungguhnya dalam masyarakat Melayu, bagi seseorang individu sebagai anggota masyarakat tidak dapat hidup secara bersendirian. Ia perlu bergantung kepada anggota masyarakat kelilingnya dalam berbagai-bagai kepentingan hidup. Oleh itu seseorang individu harus dipupuk dengan nilai-nilai sosial yang menekankan kepentingan hubungan dengan orang-orang lain di kelilingnya, dari yang lain asas keluarga hingga kepada masyarakat yang lebih luas. Dalam hubungan sosial itu seseorang individu perlu mematuhi peraturan sosial atau adat dalam menyesuaikan dengan masyarakatnya bagaikan "*Hidup dikandung adat dan mati dikandung tanah.*"

Orang-orang Melayu amat menekankan kepada budi bahasa dan tatasusila. Perlakuan yang berlandaskan kepada keperluan ini dapat memenuhi nilai-nilai yang dikehendaki secara tradisi yang

kelas selari dengan nilai-nilai modal insan berteraskan agama Islam. Dalam masyarakat tradisi, budi bahasa itu mempunyai kedudukan penting dalam menentukan kedudukan seseorang. Budi bahasa itu tidak boleh dijual beli dan daripada perlakuan yang berasaskan kepada budi bahasa itu dapat menerangkan kedudukan dan kebaikan seseorang itu dalam masyarakat. Malah, pembentukan budi bahasa itu dapat melahirkan individu yang dapat menunjukkan perlakuan yang dipandang tinggi oleh masyarakat.

Adakala budi itu mempunyai pengertian atau makna yang sama dengan adat. Seseorang yang tidak berbudi juga membawa pengertian tidak tahu adat, dan perlakuan demikian dianggap kurang ajar yang membawa pengertian yang amat mendalam. Oleh yang demikian, kesedaran ini menyebabkan ibu bapa amat menekankan kepada pengajaran yang baik kepada anak-anak mereka. Asas-asas agama amat penting sebagai landasan yang menentukan seorang itu dapat diterima ramai sebagai anggota masyarakat yang mempunyai kepentingan yang wajar.

Orang Melayu tidak digalakkan menonjolkan diri kerana perbuatan itu tidak menunjukkan budi sebagaimana nilai-nilai yang dipupuk sejak kanak-kanak lagi. Seorang yang berbudi sentiasa merendah diri dan menghormati orang lain walaupun kanak-kanak. Perasaan bangga diri dan rasa ego yang ditonjolkan dengan cara berlebihan dengan apa cara sekalipun tidak disukai orang Melayu dan selalunya dipandang rendah. Nilai-nilai ini yang diwarisi orang Melayu diperkukuhkan pula oleh Islam yang menggalakkan seseorang sentiasa menyedari kedudukan diri tidak bermegah atau menunjukkan kebolehan diri yang dianggap sebagai takbur. Perbuatan demikian boleh memusnahkan diri sendiri, di samping dipandang rendah oleh masyarakat. Perbuatan ego dan membesar diri itu selalu dianggap sebagai perbuatan syaitan yang amat dibenci oleh masyarakat di kelilingnya.

Bagi orang-orang Melayu yang dipupuk dengan budi yang berasaskan kepada proses sosialisasi sejak kanak-kanak lagi menyedari kedudukan seseorang dalam keluarga dan seterusnya dalam ruang sosial. Kesedaran yang dibina itu amat penting dalam menentukan perlakuan dan tutur kata yang bersesuaian dengan kedudukan seseorang, terutama dalam hubungannya dengan orang lain di sekitarnya. Asas hubungan yang dibina pada peringkat keluarga, bermula dari perbezaan umur yang menentukan hubungan sosial antara seorang dengan seorang yang lain. Seorang yang lebih tua selalunya dihormati oleh orang-orang muda. Namun demikian, orang tua juga perlu menghormati orang muda bersesuaian dengan kedudukannya.

Mengikut adat Melayu, dengan hubungan yang dibina berasaskan saling menghormati itu dapat mengelakkan seseorang itu merasa besar diri dan angkuh dengan kedudukan dirinya dalam kelompok dan masyarakatnya. Bagi mereka yang menonjolkan diri dan angkuh dengan kedudukannya itu tidak akan mendapat penghormatan daripada orang lain. Untuk dirinya dihormati, seseorang itu perlulah menghormati orang lain. Daripada kesedaran sedemikian, orang Melayu amat menekankan kepada budi, iaitu dengan budi itu yang menentukan orang lain juga berbudi.

Menghormati antara seorang dengan seseorang yang lain itu pula bersesuaian dengan kemampuan dan batasan yang telah ditetapkan oleh budaya. Tidaklah bermakna seorang itu dikehendaki menyanjungi secara berlebih-lebihan kepada seorang yang lain. Bagi orang-orang yang dipandang tinggi dan berkedudukan sosial yang sewajarnya mempunyai batasan penghormatannya. Namun demikian, tidak pula bermakna orang ramai dikehendaki menyanjungi secara berlebih-lebihan. Menyatakan penghormatan itu mencukupi dengan cara panggilan, cara bercakap dan tingkah laku yang bersesuaian apabila berhadapan dengan orang-orang yang dihormati itu. Bagi mereka yang dipandang tinggi dan berkedudukan, seperti pemimpin-pemimpin perlu pula menunjukkan penghormatan kepada orang lain. Mereka tidak digalakkan bersifat angkuh dan memilih orang untuk dihormati. Perbuatan sedemikian boleh menjejaskan kedudukannya kepada pandangan masyarakat sebagai pemimpin yang dihormati.

Hubungan sosial yang erat antara anggota masyarakat amat penting. Dalam masyarakat tradisional, melalui hubungan sosial yang erat itu mereka dapat bekerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain sebagai satu kelompok. Setiap orang menyedari akan peranan dan tanggungjawab masing-masing memberikan pertolongan atau bantuan apabila diperlukan oleh orang lain di sekitar mereka. Misalnya, apabila seorang ditimpa sakit atau kemalangan, sudah menjadi kebiasaan, semua anggota kelompok datang mengunjungi bertanya khabar dan memberikan bantuan atau pertolongan yang diperlukan. Semasa mengunjungi itu selalunya masing-masing membawa buah

tangan sebagai tanda hubungan sosial dan rasa simpati. Sumbangan moral seperti itu amat penting bagi memberikan rasa selamat dan mengurangkan beban masalah yang ditanggungnya. Apabila seorang menghadapi masalah dan tiada kunjungan dari jiran-jiran dianggap sebagai suatu yang menyedihkan. Bagi mengelakkan suasana demikian, masing-masing berusaha memupuk budi yang tertanam dengan modal insan agar tidak diketepikan oleh anggota-anggota kelompok, terutama apabila menghadapi masalah atau tekanan hidup

Menghormati ibu bapa, orang-orang tua dan guru merupakan nilai-nilai budaya tradisi yang diwarisi dan diperkukuhkan pula oleh nilai-nilai Islam. Penghormatan yang diberikan itu amat penting dalam pelbagai perkara yang berkaitan dengan penghidupan seharian. Berkata atau menunjukkan perlakuan kasar kepada mereka bermakna menyatakan penderhakaan. Menderhaka kepada mereka dianggap tidak berkat dan boleh membawa bencana kepada seseorang. Nilai-nilai demikian yang diperkukuhkan dengan kehendak-kehendak Islam, menghormati mereka itu merupakan suatu budi yang tinggi dan sangat dihargai. Orang-orang muda hendaklah sentiasa mendengar nasihat orang-orang yang patut dihormati. Membangkang atau membahaskan nasihat atau pandangan mereka dianggap kurang budi dan tidak mematuhi nilai-nilai yang dipupuk. Walaupun seorang itu tidak bersetuju atau sependapat dengan orang yang dihormati adalah tidak manis menentangnya. Hanya memadam dengan hanya diam atau tidak mengkritik atau menentangnya. Budi seperti itu sangat ditekankan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Perlakuan ini juga dipatuhi apabila berhadapan dengan pemimpin atau orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat.

Dalam membina budi, tidak ada kebaikan yang lebih baik daripada sifat yang baik. Manusia terbaik adalah mereka yang mempunyai sifat yang terpuji, sementara manusia yang buruk adalah mereka yang bersifat keji (Marwan Ibrahim al-Kaysi, 1997: 139). Berikut adalah beberapa aspek sifat positif yang sepatutnya dicintai oleh seorang muslim yang berteraskan nilai modal insan;

- Merendah diri dan tidak sepatutnya menyombong diri dengan orang lain.
- Menjaga amanah apabila diberi amanah.
- Sentiasa bercakap benar dan bertindak dengan kebenaran.
- Menghulurkan pertolongan kepada mereka yang memerlukan pertolongan dan membantu mereka yang susah, meskipun tanpa diminta.
- Memberi kemaafan apabila berada dalam keadaan berkuasa dan berhak.
- Memberi nasihat secara ikhlas apabila diminta nasihat oleh orang lain.
- Menahan diri daripada kemarahan dan menjauhi diri daripada memberikan reaksi negatif.
- Sentiasa bersabar.
- Menggunakan hikmah apabila berurusan dengan orang yang berkelakuan buruk.
- Menunjukkan kepada mereka yang ingin berbuat baik tentang perlakuan yang baik.
- Menjadi pendamai antara dua pihak yang bersengketa.
- Berfikir dahulu sebelum bertindak.
- Bertemu orang lain dengan muka yang ceria.

Menjaga hati atau mengambil hati orang lain selalu dilakukan oleh orang Melayu bagi menentukan hubungan sosial yang berkekalan. Menyakitkan hati orang lain merupakan perbuatan yang bercanggah dengan nilai-nilai tradisi. Walaupun tentang perkara kecil, seseorang perlu menentukan tidak meyakiti atau terkecil hati. Misalnya, apabila diajak makan, seseorang itu tidak patut menolaknya dengan kasar. Mengikut kebiasaan dalam adat Melayu, supaya tidak membuat orang yang mengajak kecil hati perlulah juga menyentuhnya walaupun sedikit. Perasaan tidak suka atau tidak bersetuju dengan seseorang tidak patut ditunjukkan secara terang-terangan. Seorang itu berusaha melakukan secara halus agar orang yang terbabit tidak berasa kecil hati atau menjejaskan perasaannya. Menggunakan bahasa yang halus amat penting bagi menentukan bahawa orang yang memperlawa tidak terasa atau terkecil hati.

Usaha menimbangkan perasaan orang lain dalam budaya orang Melayu dianggap penting agar perhubungan sosial tidak terputus atau tidak terjejas. Bagi menjaga kepentingan ini, orang Melayu tidak mudah mengata atau mengkritik seseorang secara berdepan, tetapi kerap kali pula umpat

mengumpat yang terjadi dan ini menjejaskan nilai-nilai budaya tradisi. Oleh itu, untuk menegur seseorang yang dianggap tidak sopan atau menyeleweng selalu dilakukan secara sinis atau dengan menggunakan bahasa yang halus yang tidak menjejaskan perasaan orang yang dimaksudkan itu.

Dalam konteks ini, selain suatu cara komunikasi yang penting, cara percakapan atau pertuturan juga merupakan suatu bentuk gambaran dan perawatakan peribadi bagi seseorang itu. Antara aturan bahasa yang dianjurkan dalam tutur kata bagi seorang muslim;

- Seseorang hendaklah sentiasa cuba menggunakan kata-kata yang mesra, yang menyenangkan dan berbicara secara bermoral.
- Adalah tidak baik bagi seseorang muslim itu bercakap dengan bersumpah.
- Seseorang muslim itu tidak dibenarkan untuk menggunakan bahasa yang kesat atau kotor dan perlu mengawasi diri daripada umpat dan keji.
- Mencela nasib dirinya dan menyifatkan sebagai ketidakadilan Tuhan tidak selaras dengan pegangan seseorang muslim dan mesti dihindari.
- Seseorang muslim itu hendaklah tidak cuba menunjuk-nunjuk tentang keilmuannya sahaja.
- Seseorang muslim yang baik, dalam apa keadaan sekalipun, tidak akan memberi aib atau menghina peribadi orang lain secara langsung ataupun tidak langsung.
- Sebagai muslim, seseorang itu tidak dibenarkan mencemuh atau menghina orang lain dalam percakapannya.
- Membincangkan rahsia peribadi dan keluarga dengan orang lain hendaklah dielakkan.

KESIMPULAN

Perlakuan adat amat menekankan kepada kesempurnaan atau mengikut susunan yang telah ditetapkan dalam menentukan hubungan sesama anggota masyarakat. Amalan adat merangkumi segala tindakan dan pergerakan yang diberikan pengesahan oleh masyarakat dalam usaha melahirkan kestabilan dan keharmonian sosial. Orang-orang Melayu memandang serius tentang adat kerana adat itulah yang menyatakan identiti tradisi budaya mereka dan yang membezakan mereka daripada orang-orang bukan Melayu.

Adat dianggap tidak bercanggah dengan agama, malah unsur-unsur adat itu kerap kali diperkenalkan oleh nilai-nilai Islam yang selaras dengan teras modal insan. Berlandaskan kepada adat itu bermakna mereka mematuhi kehendak ajaran Islam. Tujuannya ialah untuk melahirkan anggota masyarakat yang baik dan seimbang dengan perkembangan peribadi mereka yang unggul mengikut ajaran Islam.

RUJUKAN

- Abdullah Sidek. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdul Malek Al Sayed. (1995). *Etika Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam Al-Ghazali, Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaki Ibrahim. (2005). *Tamadun Islam: Konsep dan peranannya dalam pembinaan bangsa melayu bertamadun*. Kertas Kerja Seminar Ketamadunan Ummah pada 9 Ogos 2005. USM: Dewan Budaya.
- Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan Ahmad. (2006). *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun (terj). (1993). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi (terj). (1997). *Adab Sopan dan Budi Pekerti dalam Islam*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Wan Abdul Kadir. (1994). *Nilai dan Worldview Orang Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise.
- Yusuf Al-Qardhawi. (1992). *Wawasan Islam antara Keaslian dan Kemodenan*. Batu Caves: Thinker's Library.